



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA KAJIAN MENGENAI KENYATAAN BERBAUR KEBENCIAN DI MALAYSIA

PUTRAJAYA, 11 Oktober 2024 – Kajian Mengenai Kenyataan Berbaur Kebencian di Malaysia ini telah dilaksanakan oleh Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan UPM Consultancy and Services Sdn. Bhd. (UPMCS). Ia merupakan salah satu dari Kajian Sosial Kementerian Perpaduan Negara yang dibiayai oleh Kementerian Ekonomi di bawah peruntukan Rolling Plan Keempat Tahun 2024 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Kajian ini dijalankan dalam tempoh enam (6) bulan bermula 7 Disember 2023 sehingga 6 Jun 2024.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata perihal berkaitan dengan kenyataan berbaur kebencian menjadi semakin penting, kritikal dan serius seiring dengan perkembangan landskap kemajuan teknologi digital dan informasi terkini serta didorong dengan peningkatan penggunaan media sosial dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya. Media sosial bukan sahaja menjadi platform utama bagi tujuan komunikasi dan interaksi sosial, malah ia juga telah menjadi medium penyebaran dan penularan kenyataan berbaur kebencian.

Di Malaysia, masih belum terdapat kajian khusus untuk mengenal pasti tahap kefahaman, pengaruh dan kesan permasalahan kenyataan berbaur kebencian dalam masyarakat Malaysia. Lantaran itu, kajian ini dilaksanakan secara komprehensif bagi tujuan untuk mengisi kelompangan tersebut. Kajian ini hanya akan memfokuskan kepada kenyataan berbaur kebencian yang berlaku di Malaysia tanpa melibatkan isu berkaitan dengan kebebasan bersuara. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mencapai empat objektif seperti berikut:

- I. Mengetahui tahap kefahaman masyarakat berkaitan kenyataan berbaur kebencian di media sosial;

- II. Mengenal pasti pengaruh kenyataan berbaur kebencian di media sosial terhadap tingkah laku masyarakat;
- III. Mengkaji kesan kenyataan berbaur kebencian di media sosial kepada hubungan dan ketegangan etnik-agama; dan
- IV. Mencadangkan strategi dan langkah yang efektif bagi menangani isu berkaitan kenyataan berbaur kebencian dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik dan agama di Malaysia.

Kenyataan berbaur kebencian di media sosial mempunyai impak yang signifikan terhadap hubungan antara etnik dan agama dalam sesebuah masyarakat. Media sosial, sebagai platform yang luas dan mudah diakses, sering menjadi medium penyebaran kenyataan yang berbaur kebencian, yang boleh mencetuskan ketegangan antara kumpulan etnik dan agama yang berbeza.

Kenyataan berbaur kebencian yang tersebar di media sosial cenderung memperkukuh stereotaip negatif, meningkatkan prasangka, dan memupuk kebencian antara kumpulan etnik dan agama. Ini boleh merenggangkan hubungan antara komuniti yang berbeza dan mencipta jurang yang lebih dalam, yang seterusnya membawa kepada pengasingan sosial. Contohnya, penghinaan terhadap amalan keagamaan atau budaya tertentu boleh menimbulkan rasa tidak puas hati dan kemarahan, memperburuk hubungan antara kumpulan yang terlibat sehingga boleh melemahkan perpaduan sosial.

Hasil kajian ini secara praktikalnya mencadangkan **sembilan (9) domain; mencakupi institusi pendidikan, keluarga, institusi keagamaan, dasar pemerintah, undang-undang negara, penguatkuasaan, kepimpinan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan aspek penggunaan media sosial yang perlu diberikan perhatian utama dalam usaha untuk terus menangani dan membendung sebarang bentuk kenyataan berbaur kebencian.**

Selain itu antara penemuan kajian ini dalam menangani isu kenyataan berbaur kebencian, seperti berikut:

- I. Langkah-langkah seperti **penggubalan dasar dan undang-undang** yang mengawal penyebaran kenyataan berbaur kebencian.

- II. Kerajaan boleh memperkenalkan **pendidikan awam dan kempen kesedaran untuk mendidik masyarakat** tentang bahaya kenyataan berbaur kebencian.
- III. Pelaksanaan **program pendidikan khas untuk pengamal media, termasuk wartawan dan pengurus media.**
- IV. **Kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)** yang mempunyai kepakaran dalam mengatasi kenyataan berbaur kebencian, seperti memanfaatkan modal insan dan kepakaran mereka untuk mengadakan program kesedaran dan pendidikan.

Menteri Perpaduan Negara berkata penerapan dapatan kajian ini memerlukan kerjasama pelbagai pihak dan komitmen yang berterusan. Dengan langkah-langkah yang sesuai, kerajaan dapat memastikan masyarakat hidup dalam persekitaran yang lebih harmoni dan bebas dari kenyataan berbaur kebencian.

Kementerian Perpaduan Negara

11 Oktober 2024